

16 FEB 2004  
Sukan-LTdL  
PELUMBA NEGARA SEKALI LAGI GAGAL MENYINAR

Oleh: Farhanah Mohd Azmi

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi (LTdl) 2004 berakhir semalam dan sekali lagi Malaysia membuktikan kemampuannya menganjur acara sukan bertaraf antarabangsa.

Pengajur, First Cartel (M) Sdn Bhd tidak putus-putus menerima pujian daripada para peserta, pegawai dan media asing.

Edisi kesembilan yang mendapat status 2.2 daripada Union Cycliste Internationale (UCI) itu melibatkan 10 peringkat perlumbaan dengan jarak sejauh 1,250.9 kilometer.

"Kita mengekalkan status perlumbaan tanpa mengurangkan prestijnya, jika kita menaikkan status kepada 2.1, maka hanya pelumba profesional sahaja yang boleh bertanding. Pelumba tempatan dan serantau tidak berpeluang mengasah bakat," kata Pengerusi Eksekutif First Cartel Datuk Wan Lokman Wan Ibrahim.

Penganjur juga lega semalam apabila Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan Malaysia akan terus mengajurkan perlumbaan berprestij itu.

Jaminan itu menamatkan desas-desus bahawa acara itu tidak akan diadakan tahun depan kerana bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamed tidak lagi menjadi penaungnya.

Semasa berucap pada majlis penyampaian hadiah semalam, Abdullah berkata acara itu akan diteruskan.

"Kita akan terus menganjurkannya. Kita mahu mencapai kejayaan lebih besar. Dunia telah menyaksikan Le Tour de Langkawi (hari ini)," katanya.

Pujian kepada First Cartel di atas usaha membawa pasukan ternama dunia seperti Lampre dan De-Nardi dari Itali, Palmans-Collstrop dan Chocolate Jacques dari Belgium serta pasukan Relax Bodysol dan Colombia Selle Italia.

Namun pasukan negara terus malap, selepas kejayaan menjuarai

kategori

Asia pada 1999, pencapaian pelumba negara tidak boleh dibanggakan.

Walaupun bertarung di gelanggang sendiri, pelumba-pelumba negara gagal memanfaatkan kelebihan itu.

Namun tidak adil untuk mengharap mereka mencipta kejutan kerana saingan mereka bukanlah calang-calang pelumba seperti juara keseluruhan Freddy Gonzalez dari Colombia Selle Italia, Gordon Fraser dari Health Net Pro atau pelumba pecut Lampre Luciano Pagliarini, kesemua mereka adalah pelumba profesional.

Saingan mereka yang setaraf adalah pelumba dari rantau ini iaitu Tonton Susanto, Sama'i dan Wawan Setyobudi dari pasukan Wismilak, Indonesia serta pasukan Filipina yang dibarisi Rhyen Tanguilig, Lloyd Luceine Raynante dan Victor Espiritu.

Malaysia sekadar menduduki tempat kelima dalam kategori Asia yang disertai enam pasukan manakala tempat mereka dalam senarai 20 keseluruhan ialah di tangga ke-18.

Pasukan kebangsaan diwakili Shahrulneeza Razali, Nor Effandy Rosli, Sayuti Zahit, Sazlee Ismail, Mahadzir Hamad, Musairi Musa dan Wan Mohamed Najmee Wan Mohamed.

Bagaimanapun kecederaan Wan Mohamed Najmee di peringkat Tapah ke Cameron Highlands dan tersingkirnya Mahadzir Hamad kerana kesalahan teknikal menyebabkan pasukan itu terpaksa berlumba dengan lima orang.

Jurulatih kebangsaan Ng Joo Ngan berkata adalah malang bagi pasukan itu kerana gagal mencapai matlamat menduduki tempat ketiga kategori Asia.

"Latihan singkat selama tiga minggu sebelum perlumbaan tidak cukup. Kita perlu berlatih sekurangnya dua atau tiga bulan untuk lebih mantap," katanya.

Jika edisi ini pahit bagi Malaysia, aksi bersemangat pelumba muda Sayuti Zahit, 19, sekurang-kurangnya memberi sedikit harapan untuk kejohanan yang mendatang.

-- BERNAMA

FA AHH MOZ